

UM.Q/BPH/334
28 Mac 2018

**Pemangku Pendaftar
Pemangku Pengawal Kewangan, Jabatan Bendahari
Pemangku Ketua Pustakawan
Dekan Fakulti/Institut
Pengaruh Akademi/Pusat
Ketua Jabatan/Bahagian/Unit
Pengetua Kolej Kediaman**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof/Dr/Tuan/Puan,

PERLINDUNGAN INSURANS ASET DI BAWAH MARINE CARGO INSURANS (MOC)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof/Dr/Tuan/Puan, Universiti Malaya telah mengambil polisi *Marine Cargo Insurans (MOC)* bagi melindungi aset Universiti Malaya yang dibawa keluar dari kampus utama bagi tujuan rasmi termasuk kerja lapangan/penyelidikan dan juga penyelenggaraan.

3. Skop perlindungan polisi ini adalah melindungi aset Universiti dari kehilangan atau kerosakan sepanjang/semasa proses penghantaran dari Universiti Malaya ke destinasi lain atau dari satu destinasi ke satu destinasi yang lain, sama ada menggunakan pengangkutan penghantaran melalui laut, udara atau jalan raya. Kos premium insurans ini akan ditanggung oleh pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof/Dr/Tuan/Puan bagi perjalanan/penghantaran yang dimaklumkan sahaja.

4. Bagi memastikan aset Universiti dilindungi oleh insurans, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof/Dr/Tuan/Puan diminta untuk memaklumkan kepada Bahagian Pengurusan Harta (BPH), JPPHB dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja sebelum tarikh perjalanan dengan melampirkan maklumat berikut :

- (a) Tarikh pergi dan tarikh balik;
- (b) Destinasi perjalanan – dari mana dan ke mana;
- (c) Keterangan aset dan no tagging;
- (d) Jenis pengangkutan yang akan digunakan;
- (e) Nama syarikat yang akan membuat penghantaran, jika ada; dan
- (f) Kod peruntukan yang akan diguna untuk membuat pembayaran perlindungan insurans.
- (g) Sum insured atau nilai aset

2/-

5. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Pn Norzilah Mohamad di talian 03-7967 6283 atau En Azizi Aziz di talian 03-7967 7821. Segala kerjasama dan jasa baik YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof/Dr/Tuan/Puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih

Yang benar,



Ir. HASHBI HASHMAN HASHIM
Pengarah Pembangunan, JPPHB
Universiti Malaya



s.k **Naib Canselor**
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (HEP & Alumni)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)